

PERATURAN PERTANDINGAN TARIK TALI

1. AM

Pertandingan ini dinamakan Kejohanan Tarik Tali Penjara Malaysia

2. PENGANJUR / PENGELOLA

Pertandingan ini dianjurkan oleh Majlis Sukan Penjara Malaysia dan dikelolakan oleh

3. PENDAFTARAN

- 3.1 Pertandingan ini terbuka kepada semua pegawai/anggota/kakitangan yang bertugas di bawah Jabatan Penjara Malaysia
- 3.2 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar seramai 12 orang peserta (8 orang menarik dan 4 orang simpanan). Pendaftaran hendaklah dibuat dengan menggunakan **Borang** yang telah disediakan.
- 3.3 Pemain yang tidak didaftarkan tidak dibenarkan mengambil bahagian. Sekiranya berlaku sedemikian, penyertaan pasukan tersebut dalam pertandingan ini akan dibatalkan secara automatik. Semua perlawanan sebelumnya yang disertai oleh pasukan tersebut dianggap tidak sah. Jika menang, kemenangan percuma akan diberikan kepada pasukan lawan.

4. PERATURAN PERTANDINGAN

- 4.1 Peserta tidak dibenarkan memakai kasut semasa pertandingan.
- 4.2 Peserta-peserta yang berdaftar di dalam borang penyertaan sahaja dibenarkan bertanding dan setiap pasukan akan disemak mengikut pendaftaran.
- 4.3 Pertandingan ini dijalankan secara liga, dan jika enam (6) pasukan bertanding atau lebih, pasukan dibahagikan kepada dua (2) kumpulan.
- 4.4 Tiap-tiap pasukan hendaklah melapor diri sepuluh (10) minit sebelum pertandingan dimulakan, jika mana-mana pasukan gagal melapor diri sepuluh (10) minit selepas masa pertandingan sepatutnya dimulakan akan dikira kalah tanpa bertanding (walk over).
- 4.5 Pemilihan tempat akan dibuat secara undian.
- 4.6 Acara akan dimulakan pada masa yang ditetapkan.
- 4.7 Semua tarikan adalah tarikan panjang (long pull).
- 4.8 Tiap-tiap tarikan akan diadili oleh tiga (3) orang hakim dan keputusan hakim adalah muktamad.
- 4.9 Pertandingan akan bermula dengan arahan hakim seperti berikut :
 - i. Angkat tali
 - ii. Tegangkan tali
 - iii. Sedia
 - iv. Tiupan wisel menandakan permulaan pertandingan.
 - v. Tiupan wisel kedua menandakan pertandingan selesai.
 - vi. Tiupan wisel 2 kali menandakan batal.
- 4.10 Tekong (Anchor) tidak boleh melilit badannya dengan tali tetapi boleh melilit tali melalui bawah ketiak dan meletakkan di atas bahu dan hujung tali dilepaskan.
- 4.11 Jumlah tarikan maksimum adalah tiga (3) kali. Pemenang dua (2) tarikan, akan dikira sebagai pemenang.
- 4.12 Sekiranya dua (2) pasukan seri selepas dua (2) tarikan, rehat lima (5) minit akan diberi, tarikan ke 3 akan dimulakan selepas hakim menentukan tempat dengan undian.
- 4.13 Peserta - peserta yang jatuh hendaklah bangun dengan serta merta. Tidak boleh terus menarik tali sambil duduk di atas padang, amaran akan diberi sebanyak tiga (3) kali berulang-ulang. Jika amaran tidak dipatuhi pasukan ini akan dikira kalah (disqualified). Kemenangan akan diberi kepada pihak lawan.
- 4.14 Penggantian tidak boleh dibuat setelah perlawanan dijalankan. Penggantian hanya boleh dibuat dengan peserta yang didaftarkan sahaja. Jika berlaku penggantian jumlah berat mestilah tidak melebihi 640 kg .
- 4.15 Jika kedua-dua pasukan melepaskan tali sebelum tarikan selesai/ tamat , ini tidak akan dikira.
- 4.16 Pasukan - pasukan yang melanggar peraturan ini akan dibatalkan tanpa amaran.

- 4.17 Gelanggang pertandingan akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan, gelanggang akan mengandungi tiga (3) garisan, jarak antara garisan adalah empat (4) meter.
- 4.18 Tali pertandingan akan disediakan oleh Jawatankuasa Penganjur Pertandingan.

5. **TIMBANG RASMI**

- 5.1 Berat timbangan keseluruhan lapan (8) orang penarik tidak boleh melebihi 640 kg (Tanpa kasut).
- 5.2 Semasa timbangan, peserta simpanan juga akan ditimbang tetapi berat mereka tidak akan dijumlahkan bersama dengan jumlah berat keseluruhan pasukan.
- 5.3 Peserta mestilah berpakaian kemas semasa membuat penimbangan.
- 5.4 Berat badan yang diperolehi pada tarikh penimbangan iaitu pada _____ adalah berat badan rasmi untuk sepanjang pertandingan dijalankan.

6. **KIRAAAN MATA**

Pasukan yang menang akan mendapat dua (2) mata dan yang kalah kasong (0) mata.

7. **MENARIK DIRI**

- 7.1 Jika mana-mana pasukan menarik diri dari kejohanan ini atau memberi kemenangan percuma setelah bermain satu atau lebih perlawanan atau tidak di dalam permainan terawal, dikira tidak wujud.
- 7.2 Jika mana-mana pemain pasukan yang menarik diri dari kejohanan ini disaat akhir dan menggantikan pemain lain hendaklah memberi tahu penganjur selewat-lewatnya tiga (3) hari sebelum tarikh pertandingan dengan mengemukakan nama dan no kad pengenalan pemain dan no pekerja.

8. **ETIKA PAKAIAN**

Pakaian sukan yang sesuai untuk acara ini.

9. **PENANGGUHAN**

Jawatankuasa Pengelola mempunyai kuasa untuk menangguhkan atau mengubah sesuatu pertandingan dengan diberitahu dahulu atau diputuskan dengan serta merta.

10. **PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DIPERUNTUKAN**

- 10.1 Mana-mana yang tidak diperuntukan adalah bidang kuasa Jawatankuasa Pertandingan akan dirujuk kepada Jawatankuasa Pengelola.
- 10.2 Jawatankuasa Pertandingan berhak untuk membuat sebarang pindaan pada peraturan pertandingan ini pada bila-bila masa diperlukan. Jawatankuasa berhak menolak mana-mana penyertaan yang tidak mengikut garis panduan yang diberikan. Keputusan Pengadil adalah **MUKTAMAD**.

10. **BANTAHAN**

Segala bantahan boleh dibuat dengan merujuk kepada **Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan** yang dilantik oleh pihak penganjur kejohanan ini.